

Ruj : UPMH/ET/02/2/2.7  
Tarikh : 16 Mac 2018

Semua Pelajar  
Program Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Putra Malaysia

Tuan/Puan,

## PEPERIKSAAN PERTENGAHAN SEMESTER KEDUA 2017/2018 BAGI PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Pertengahan Semester Kedua 2017/2018 telah dijadualkan pada **20 – 22 April 2018 (Jumaat, Sabtu dan Ahad)** di semua pusat pembelajaran. Sila rujuk jadual peperiksaan terkini dalam laman web UPM Education & Training satu minggu sebelum hari peperiksaan sekiranya terdapat perubahan.

Sehubungan dengan ini, pihak UPM Education & Training menyokong agar tuan/puan mendapatkan cuti tanpa rekod daripada Ketua Jabatan atau majikan masing-masing bagi menghadiri peperiksaan berkenaan.

Semua pelajar adalah diwajibkan untuk membawa **Slip Peperiksaan** semester terkini ketika peperiksaan dijalankan sebagai rujukan dan semakan **kod kursus** dan **pusat pembelajaran**. Pelajar juga **tidak dibenarkan menukar pusat peperiksaan** tanpa kelulusan Unit Akademik UPM Education & Training. Pelajar juga diingatkan untuk mematuhi peraturan berpakaian seperti yang telah ditetapkan dalam petikan Akta Universiti dan Kolej 1971 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia (Arahan Am Peperiksaan).

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan.

Yang menjalankan tugas,  
**UPM Education & Training**



**SAKINAH BINTI SAAD**  
Eksekutif